

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 FEBRUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4

Kerajaan perjuang kurangkan kos sara hidup, kemiskinan

Kerajaan perjuang kurangkan kos sara hidup, kemiskinan

PONTIAN - Kerajaan Perpaduan diterajui Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim terus memperjuangkan usaha membantu rakyat kurangkan kos sara hidup dan menamatkan kemiskinan rakyat.

Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, kos sara hidup dan kemiskinan adalah perkara penting yang digariskan dalam manifesto pada pilihan raya umum lalu.

"Salah satu manifesto BN ialah mahu menamatkan kemiskinan. Perkara itu diungkapkan kembali Anwar dalam pembentangan Belanjawan 2023.

"Kita ingin menoktahkan kemiskinan sewal tahun ini.

"Selain itu, parti-parti dalam Kerajaan Perpaduan juga meminta supaya kos sara hidup dapat dilaksanakan. Usaha sedang dilakukan di bawah Payung Rahmah merangkumi Sumbangan Tunai Rahmah, Menu Rahmah, Bakul Rahmah dan Jualan Rahmah serta pelbagai lagi usaha untuk mengurangkan kos sara hidup," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan tinjauan di Hospital Pontian di sini pada Ahad.

Untuk rekod, kaji selidik 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Perpaduan mendapati rakyat negara ini memberi restu kepada



Ahmad (dua dari kanan) menunjukkan pelan cadangan pembesaran Hospital Pontian, Johor pada Ahad.

pelantikan Anwar sebagai Perdana Menteri selepas Pilihan Raya Umum ke-15.

Kaji selidik lima media arus perdana dengan kerjasama firma penyelidikan, O2 Research melibatkan 35,077 responden pelbagai kaum itu mendapati sentimen rakyat terhadap situasi ekonomi negara agak seimbang dan hala tuju Malaysia pada arah yang betul.

Namun, skor Kad Laporan 100 hari Kerajaan Perpaduan itu sedikit tercalar berkenaan kepuasan hati rakyat melibatkan usaha dan keyakinan kerajaan dalam menunaikan manifesto.

Skor rendah tersebut di-

sumbang oleh sentimen yang sangat rendah daripada kalangan Melayu Semenanjung.

Sementara itu, Ahmad yang juga Ahli Parlimen Pontian berharap Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempercepatkan tindakan supaya kerja pembesaran Hospital Pontian dapat dilakukan bermula pada tahun ini.

Menerusi pembentangan Belanjawan 2023 pada Jumaat, kerajaan dilaporkan akan memulakan kerja menaik taraf sebanyak 26 hospital termasuk pembesaran Hospital Kuala Kangsar, Perak; Jelevu, Negeri Sembilan dan Hospital Pontian, Johor yang berusia hampir seabad.